



# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU  
MINGGU PERTAMA  
SETIAP BULAN

4 FEBRUARI 2012



e-mail: beritasawit@mpob.gov.my



Pendapatan eksport minyak sawit meningkat 34.5 peratus atau RM20.61 bilion kepada RM80.39 bilion pada 2011 adalah disebabkan peningkatan harga minyak sawit dan produk berasaskannya di pasaran dunia

**Tan Sri Bernard Dompok**  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi



TAN Sri Bernard Dompok semasa merasmikan seminar - Palm Oil Economic Review and Outlook 2012. Turut kelihatan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (duduk dua dari kiri) Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (duduk dua dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (duduk kiri).

# Eksport minyak sawit dianggarkan RM85 bilion

## Unjuran peningkatan kesan pengukuhan harga

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**K**UALA LUMPUR: Pendapatan eksport minyak sawit dan produk berasasnya dijangka mencapai RM85 bilion tahun ini berbanding RM80.4 bilion yang dicatat pada tahun 2011 kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Unjuran peningkatan pendapatan itu dibuat berdasar harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) yang dijangka akan terus mengukuh disamping peningkatan pengeluaran MSM hasil dari peningkatan pengeluaran buah tandan segar (BTS) dari pokok yang mula matang selepas program tanam semula sejak tahun 2008.

Tan Sri Bernard Dompok berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran seminar 'Palm Oil Economic Review & Outlook 2012' anjuran MPOB di Hotel Renaissance, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pengeluaran MSM dijangka akan terus meningkat kepada lebih 19 juta tan tahun 2012 berbanding 18.9 juta tan yang dicatat tahun 2011 dan 16.99 juta tan pada 2010.

Peningkatan 11.3 peratus pengeluaran MSM tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya berkait rapat dengan peningkatan purata pengeluaran BTS sebanyak 9.2 peratus kepada 19.69 tan/hektar berbanding 18.03 tan/hektar pada 2010.

Keadaan cuaca yang baik dan pemulihan peng-

hasilan BTS selepas dua tahun mengalami keerosotan penghasilan, adalah faktor utama kepada peningkatan purata hasil BTS pada 2011.

Keluasan tanaman turut meningkat 3 peratus kepada 5 juta hektar berbanding 4.8 juta hektar pada tahun 2010.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, pendapatan eksport minyak sawit meningkat 34.5 peratus atau RM20.61 bilion kepada RM80.39 bilion pada 2011 adalah disebabkan peningkatan harga minyak sawit dan produk berasaskannya di pasaran dunia. "Harga purata MSM pada 2011 adalah RM3,219 satu tan, meningkat 19.2 peratus atau RM518 berbanding RM2,701 tahun 2010. Harga minyak sawit RBD pula meningkat 22.3 peratus atau RM624.50 kepada RM3,426 satu tan pada tahun 2011.

"Harga minyak sawit RBD olein meningkat 23 peratus kepada RM3,507.50 satu tan dan RBD stearin 13.1 peratus kepada RM3,055.50 satu tan. Fatty acid distillate meningkat 8 peratus kepada RM2,495 satu tan.

"Peningkatan harga minyak sawit dan produk berasaskannya juga adalah dipengaruhi peningkatan harga minyak petroleum mentah dunia yang mengalami peningkatan dari US79.83/barrel kepada US112.14/barrel pada tahun 2011," katanya.

### PENGUMUMAN

#### SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) 2012

"Industri Sawit: Menjana Ekonomi PKS"

MAGELLAN SUTERA HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH  
ISNIN, 27 Februari 2012

#### Seminar

Pemindahan Teknologi bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) diadakan bagi membuka peluang perniagaan khususnya dalam industri sawit bagi membantu PKS dalam meningkatkan penglibatan mereka dalam memperluaskan perniagaan. Usahawan PKS dijemput menyertai seminar bagi mengambil manfaat pengkomersilan lebih 400 teknologi yang telah dibangunkan oleh MPOB. MPOB akan turut membantu dalam memberi khidmat nasihat kepada usahawan PKS.

#### BORANG PENYERTAAN SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) 2012

Borang ini boleh dibuat salinan

No	Nama	Alamat Syarikat/Organisasi	Telefon & E-mel

#### YURAN PENDAFTARAN

Tiada yuran pendaftaran dikenakan. Tempat adalah terhad kepada 250 peserta sahaja

Sila kembalikan borang penyertaan pada atau sebelum 21 Februari 2012 kepada:

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)  
No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor

(u/p: Ketua Unit Pembangunan Insan & Pengurusan Persidangan)

No. Tel: 03-87694567 / 8769 4873 No. Faks: 03-89257549 E-mel: rubaah@mpob.gov.my / cicu@mpob.gov.my

#### PERTANYAAN Untuk Pendaftaran

Pn Ruba'ah Masri  
Tel : 03-7869 4567  
Faks : 03-8925 7549/8922 1743  
E-mel : rubaah@mpob.gov.my

#### PERTANYAAN Untuk Teknikal

Pn Sakinah Che Embi/  
Pn Suraya Mohamad  
Tel : 03-8769 4574/8925 9172  
Faks : 03-8926 1337  
E-mel : cicu@mpob.gov.my



# Industri sawit disaran pulihara alam sekitar

## Usaha pastikan tanaman tidak jejas hidupan liar, biodiversiti

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mprob.gov.my

**K**OTA KINABALU: Syarikat perladangan dan pekebun kecil sawit di Sabah diingatkan supaya memulihara dan memastikan keunikan flora dan fauna serta alam sekitar tidak terjejas apabila membangunkan tanaman sawit, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Mereka perlu mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan serta bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan tanaman ini dibangunkan mengikut amalan mampan dan tidak mengancam hidupan liar dan biodiversiti.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Sabah Wildlife Conservation Colloquium (SWCC) 2012, di sini, baru-baru ini. Perasmian SWCC 2012 dilakukan Tan Sri Bernard Dompok bersama Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun.

Turut hadir Pengerusi MPOC, Dato Lee Yeow Chor; Ketua Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Dr Laurentius Ambu.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, SWCC 2012 yang bertemakan 'Mengharmonikan Hidupan Liar dan Pemuliharaan Biodiversiti dengan Pembangunan Negara' adalah langkah holistik bertujuan menyeimbangkan keperluan penduduk, pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam semula jadi.

"Hidupan liar dan biodiversiti di Sabah yang unik adalah warisan semula jadi dan kita perlu bertanggungjawab memulihara untuk mewariskan keistimewaan dan kekayaan khazanah alam sekitar yang kita nikmati ini kepada generasi



TAN Sri Bernard Dompok merasmikan Sabah Wildlife Conservation Colloquium (SWCC) 2012. Turut kelihatan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun (tiga dari kiri).

akan datang.

"Ini penting terutamanya dalam pemuliharaan dan pemulihan tiga spesies ikon Sabah iaitu orang utan, gajah pygmy dan badak sumatera."

"Syarikat perladangan dan pekebun kecil sawit disaran terbabit dan menjadikan usaha pemuliharaan ini satu daripada 'tanggungjawab sosial korporat' dan sinergi utama ke arah merealisasikan keharmonian hidupan liar, pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan negara", katanya.

Kerajaan dengan kerjasama industri melancarkan Tabung Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia (MPOWCF) pada 2006 dengan tujuan menerajui usaha pemuliharaan hidupan liar dan alam sekitar di negara ini.

MPOWCF dilancar dengan tabung permulaan sebanyak RM20 juta. RM10 juta dibiayai kerajaan dan selebihnya oleh industri minyak sawit.

Sejak penubuhannya, MPOWCF memulakan beberapa projek pemuliharaan hidupan liar dan biodiversiti yang menyumbang kepada penubuhan Pusat Penyelamat Hidupan Liar negara yang pertama dengan kerjasama Jabatan Hidupan Liar.

Projek lain adalah Unit Ronda Hutan di Hutan Rezab Tangkulap-Pina-

ngah, Inventori Populasi Orang utan Sabah, Unit Penjagaan Anak Orang utan di Bukit Merah, pengesanan satelit dan Pusat Pemuliharaan Banteng Borneo di Sabah.

Projek Santuari Hidupan Liar Gajah Borneo (BEWS) di Kinabatangan dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun ini. Santuari seluas 2,000 hektar itu untuk perlindungan dan pemulihan gajah pygmy bagi mengurangkan konflik manusia-gajah dan memberi penjagaan lebih baik kepada haiwan itu.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan dan industri sawit Malaysia terhadap tanggungjawab pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar di negara ini", katanya.

Tan Sri Bernard Dompok juga mengalu-alukan kehadiran lebih 250 peserta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari dalam dan luar negara.

"Peserta dan NGO perlu mengambil peluang memberi pandangan dan menyumbang idea bermakna tentang bagaimana kerajaan dan industri memastikan hidupan liar dan biodiversiti dapat diharmonikan dalam pembangunan tanaman sawit."

Kerajaan bersedia bekerjasama dengan pelbagai NGO bagi merealisasikan hasrat itu," katanya.

## Kerajaan umum polisi 'penyelamat' industri sawit

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan akan mengumumkan satu polisi 'penyelamat' untuk industri minyak sawit tempatan yang berdepan masalah yang timbul susulan langkah Indonesia mengurangkan cukai eksport minyak sawit mentah dan produk minyak sawit bertapis tahun lalu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata beliau sudah pun membentangkan perkara itu kepada kabinet dan kementeriaannya dalam peringkat akhir memuktamadkan beberapa perincian polisi berkenaan.

"Kita akan mengumumkan polisi ini dalam masa terdekat, namun buat

masa ini kementerian masih berbingung dengan pengeluar dan kilang penapis minyak sawit bagi mencari langkah menangani dan menghalang jualan minyak sawit mentah (MSM) dengan harga murah.

"Kajian kita menjurus kepada langkah untuk menyelamatkan pengeluar MSM yang berjumlah lebih dari 400 buah kilang pada masa ini supaya dapat menjual MSM hasil pengeluarannya dengan harga yang sewajarnya.

"Kita juga akan berbincang dengan kilang penapis minyak sawit bagi memastikan mereka terus membeli MSM dari kilang minyak sawit tempatan dan tidak mengimportnya dari Indonesia dengan harga yang lebih murah," katanya di sini, baru-baru ini.

Ditanya mengenai kecenderungan kilang penapis minyak sawit memindahkan pelaburan ke Indonesia, beliau berkata, itu adalah pilihan mereka untuk berpindah ke kawasan baru yang lebih sesuai dengan strategi perniagaan masing-masing.

Katanya, dalam situasi ini satu-satunya perkara yang perlu dipertimbangkan pelabur adalah memperoleh bekalan bahan mentah dengan harga yang murah.

"Namun ada juga pelabur yang mempertimbangkan faktor lain, dan kita tidak mahu melihat Malaysia berundur menjadi negara yang hanya mengekspor bahan mentah ke negara lain, sebaliknya kekal mengukuhkan kedudukan kita sebagai negara industri. Inilah polisi yang perlu kita wujudkan," katanya.



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May  
KETUA PENGARAH MPOB

**I**NDUSTRI sawit Malaysia sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan dari pelbagai sudut, sama ada dari negara-negara pesaing pengeluar minyak dan lemak, atau pun dari pengeluar minyak sawit. Pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan juga turut memberi tekanan kepada industri sawit Malaysia dari segi isu kelestarian tanaman sawit. Namun di sebalik cabaran-cabaran ini, industri sawit Malaysia terus gigih mengharungi cabaran tersebut, melalui pelbagai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan, baik oleh Kerajaan mahupun oleh industri sawit sendiri. Kesan daripada ini, industri sawit Malaysia telah mencatat prestasi yang sangat baik termasuk pelbagai rekod tertinggi dalam sejarah industri sawit pada tahun 2011.

Setelah penurunan selama dua tahun berturut-turut, pengeluaran minyak sawit mentah melonjak ke satu rekod tertinggi apabila mencapai 18.91 juta tan. Lonjakan ini merupakan 11.3 peratus peningkatan atau 1.92 juta tan berbanding 16.99 juta tan yang di catat pada tahun 2010. Kawasan sawit matang yang bertambah di samping keadaan cuaca yang baik telah menyumbang kepada peningkatan ini. Keluasan tanaman sawit kini telah mencapai 5 juta hektar dengan pertambahan terbesar di Sarawak. Keluasan tanaman sawit di Sarawak sekarang telah pun mencapai 1 juta hektar menjadikan ianya negeri kedua terbesar tanaman sawit selepas Sabah.

Tahun 2011 juga mencatat sejarah apabila harga purata minyak sawit mentah mencatat paras tertinggi iaitu RM3,219 se tan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah sebanyak 19.2 peratus lebih tinggi berbanding harga yang dicatat pada tahun 2010. Malah, pada bulan Februari tahun lalu purata harga bulanan minyak sawit mentah naik hingga ke paras RM3,811 se tan. Peningkatan harga minyak sawit ini telah memberi manfaat kepada keseluruhan industri sawit termasuk pekebun kecil yang merangkumi 39 peratus daripada jumlah pengeluar sawit di Malaysia. Mereka ini telah menikmati harga buah sawit yang tinggi iaitu RM732 se tan berbanding RM587 se tan yang diperolehi pada tahun sebelumnya. Kekukuhan harga minyak sawit di sepanjang tahun 2011 adalah dipengaruhi oleh kesan dari musim hujan yang lebat hingga mengganggu musim penuaian buah, terutamanya pada bulan Januari dan Februari.

Walau bagaimanapun, harga minyak sawit yang tinggi pada tahun 2011 ini bukanlah merupakan satu halangan kepada eksport produk sawit Malaysia. Tahun 2011 juga mencatat sejarah dari segi nilai eksport dari produk sawit Malaysia apabila nilai eksport mencecah RM 80.4 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak 34.5 peratus berbanding dengan RM59.8 bilion yang diperolehi pada tahun 2010. Peningkatan ini telah dirangsang oleh kekukuhan harga minyak sawit di pasaran dunia melalui permintaan dan belian yang berterusan. Peningkatan jumlah eksport dari negara-negara Republik Rakyat China, India, Filipina, Turki, Vietnam, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat telah menyumbang kepada peningkatan eksport ini. Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran utama minyak sawit Malaysia selama lima (5) tahun berturut-turut. Pada tahun 2011, eksport minyak sawit ke Republik Rakyat China mencecah 3.98 juta tan, ini diikuti dengan Kesatuan Eropah 2.01 juta tan, Pakistan 1.82 juta tan, India 1.67 juta tan dan Amerika Syarikat 1.05 juta tan.

Stok minyak sawit pada akhir 2011 mencecah 2.04 juta tan, lebih tinggi dari 1.61 juta tan yang dicatat pada akhir tahun 2010. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit dan juga import minyak sawit yang lebih tinggi.

Prestasi cemerlang yang dicapai pada tahun 2011 diharapkan akan berterusan pada tahun 2012. Pelbagai program yang telah dikenalpasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area, NKEA) bagi industri sawit akan membuahkan hasil. Antaranya adalah program-program untuk meningkatkan produktiviti selari dengan sasaran mencapai hasil buah sawit kepada 26 tan sehektar dan juga kadar perahan minyak kepada 23 peratus menjelang 2020. Ini ditambah pula dengan program mempercepatkan penanaman semula serta menggalakkan tanaman baru. Permintaan eksport dijangka terus meningkat. Industri sawit akan terus berusaha dengan gigih ke arah memastikan pendapatan eksport produk sawit melebihi RM80.4 bilion seperti yang telah dicapai pada tahun lalu. Semoga usaha-usaha ini mendapat sokongan padu dari pelbagai pihak. MPOB sentiasa menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti-aktiviti berkaitan untuk menyokong pembangunan industri sawit Malaysia secara mampan supaya industri penting ini akan terus berdaya saing dan berdaya maju. -SELAMAT TAHUN BARU 2012



Pengeluar minyak sawit negara melaksanakan amalan mampan yang terbaik bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna termasuk mematuhi amalan bagi persijilan RSPO



**Tan Sri Bernard Dompok**  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



# Minyak sawit bersijil mampan kurang sambutan

## Pengguna perlu bijak menilai produk CSPO

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**K**OTA KINABALU: Minyak sawit yang dihasilkan dan diperakui mampan (Certified sustainable palm oil) (CSPO) mendapat sambutan yang kurang memberangsangkan daripada negara pengimport dan pengguna.

Perkara itu dijelaskan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, pada sidang media selepas perasmian Sabah Wildlife Conservation Colloquium (SWCC) 2012, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, negara mengalami kekurangan pembeli dan permintaan terhadap CSPO walaupun minyak sawit versi ini memberi jaminan kepada pengguna bahawa ia dihasilkan secara mampan, mesra alam sekitar dan memenuhi tanggungjawab sosial.

Mengikut statistik industri katanya, permintaan untuk CSPO meningkat sebanyak 400,000 tan pada September 2011 tetapi menurun kepada hanya lebih 100,000 tan pada November 2011.

“Pada masa itu negara menghasilkan CSPO dan mempunyai stok sebanyak 450,000 tan.”

Tan Sri Bernard Dompok berkata, pengeluaran minyak sawit negara melaksanakan amalan mampan yang terbaik bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna termasuk mematuhi amalan bagi persijilan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO).

“Penghasilan CSPO juga meningkatkan kos pengeluaran, namun harga pasaran minyak sawit versi itu tidak menggambarkan produk itu mempunyai tahap harga premium yang lebih tinggi.

“Kita memberi masa dan peluang kepada pengguna untuk membiasakan dan menilai produk itu,” katanya.

Minyak sawit Malaysia diekspor ke lebih 153 negara seluruh dunia termasuk Jerman, United Kingdom, Perancis, India, China, Pakistan, Australia dan Amerika Syarikat.

“Malaysia memainkan peranan penting dengan menanam pokok sawit bagi menghasilkan minyak makan, produk makanan dan industri berasaskannya untuk memenuhi permintaan dan kegunaan negara berkenaan.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, tanaman sawit menggunakan kurang 5 peratus tanah pertanian berbanding keluasan tanaman minyak dan lelemak sayuran lain serta menggunakan kurang dari 1 peratus tanah pertanian di seluruh dunia.

“Keluasan tanah untuk penghasilan minyak sawit yang kecil itu tidak membebankan penggunaan tanah malah jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) juga kecil,” katanya.

### INFO : PRESTASI INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA 2011

PERKARA	2010	2011	% BEZA
<b>KELUASAN TANAMAN (Juta Hektar)</b>	<b>4.85</b>	<b>5.00</b>	<b>3.00</b>
<b>PENGELUARAN MINYAK SAWIT MENTAH (Juta Tan)</b>			
Semenanjung Malaysia	9.50	10.37	9.2
Sabah	5.32	5.84	9.9
Sarawak	2.18	2.70	23.7
Malaysia	16.99	18.91	11.3
<b>HASIL BUAH TANDAN SEGAR - BTS (Tan/Hektar)</b>			
Semenanjung Malaysia	17.91	19.24	7.4
Sabah	20.16	22.31	10.7
Sarawak	14.89	16.77	12.6
Malaysia	18.03	19.69	9.2
<b>KADAR PERAHAN MINYAK - OER (%)</b>			
Semenanjung Malaysia	19.91	20.08	0.9
Sabah	21.33	20.74	(2.8)
Sarawak	20.85	20.59	(1.3)
Malaysia	20.45	20.35	(0.5)
<b>STOK AKHIR (Juta Tan)</b>			
Minyak Sawit	1.61	2.04	26.2
<b>JUMLAH EKSPORT (Juta Tan)</b>			
Minyak Sawit	16.66	17.99	8.0
Minyak Isirong Sawit	1.16	1.18	1.1
Hampas Isirong Sawit	2.44	2.23	-8.8
Oleokimia	2.22	2.18	-1.9
Biodiesel	0.09	0.05	-44.2
Produk Akhir	0.41	0.40	-1.6
Produk Berasas Sawit Lain	0.07	0.24	262.4
<b>JUMLAH EKSPORT (Juta Tan)</b>	<b>23.06</b>	<b>24.27</b>	<b>5.2</b>
<b>NILAI EKSPORT (Juta RM)</b>			
Minyak Sawit	44,859.88	60,464.50	34.8
Minyak Isirong Sawit	4,341.70	6,096.09	40.4
Hampas Isirong Sawit	742.95	924.69	24.5
Oleokimia	8,035.57	10,843.64	34.9
Biodiesel	266.53	179.72	-32.6
Produk Akhir	1,464.84	1,716.65	17.2
Produk Berasas Sawit Lain	81.05	173.93	114.6
<b>JUMLAH PENDAPATAN (Juta Tan)</b>	<b>59,792.52</b>	<b>80,399.21</b>	<b>34.5</b>
<b>JUMLAH IMPORT (Juta Tan)</b>			
Minyak Sawit	1.11	1.31	17.4
<b>HARGA (RM/ Tan)</b>			
Buah Tandan Segar (Pintu Kilang)	587.00	732.00	24.7
Minyak Sawit Mentah (Hantaran Tempatan)	2,701.00	3,219.00	19.2
Isirong Sawit (Ex-Kilang)	1,735.50	2,206.00	27.1
Minyak Isirong Mentah (Hantaran Tempatan)	3,637.00	4,611.00	26.8
Minyak Sawit RBD (FOB)	2,801.50	3,426.00	22.3
Palm Olein RBD (FOB)	2,852.50	3,507.50	23.0
Palm Stearin RBD (FOB)	2,701.00	3,103.00	14.9
Palm Fatty Acid Distillate (FOB)	2,310.00	2,495.00	8.0

## Produk tambah nilai pacu utama industri

DARI MUKA 1

Beliau berkata, oleh kerana negara kini mengalami kekurangan tanah untuk perladangan, maka kerajaan melalui MPOB berusaha meningkatkan produktiviti ladang melalui penggunaan inovasi dan teknologi moden.

“Tumpuan kini kepada meningkatkan penceburan dan kegiatan di sektor huluan dan hiliran yang berupaya menjana pendapatan terutama produk tambah nilai seperti di sektor oleokimia, biojisim, ma-

kanan dan fitonutrien.

“Sektor dan produk tambah nilai itu akan menjadi pemacu utama industri sawit pada masa hadapan memandangkan terdapatnya peningkatan dalam permintaan dan pasaran produk tersebut.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim; Pengerusi MPOB, Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

# Penanam sawit diingot patuh peraturan tidak tanam tepi sungai

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**K**OTA KINABALU: Syarikat perladangan dan pekebun kecil sawit di Sabah diingotkan supaya mematuhi undang-undang dan peraturan terutama larangan menanam sawit di kawasan rizab tebing sungai.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Masidi Manjun, berkata peruntukan undang-undang dan peraturan yang ada masa ini jelas menyatakan penanaman tidak dibenarkan di ka-

wasan rizab tebing sungai bagi mengelak pencemaran sungai.

“Bagaimanapun, nampaknya undang-undang itu tidak diambil serius dan ada penanam dikesan memandang ringan ketetapan itu dengan menanam sawit di kawasan larangan. Semua ini akan menyebabkan pencemaran kerana baja yang ditabur kepada pokok sawit akan mengalir ke dalam sungai selepas hujan.

“Bahan kimia baja akan menyebabkan pencemaran dan keracunan air yang akan membunuh ikan, udang dan spesies lain di sungai. Lebih parah, ada juga penduduk

menggunakan air sungai sebagai sumber minuman dan memasak.

“Ini bermakna kedegilan manusia akan menyusahkan manusia lain kerana pencemaran boleh mengundang pelbagai penyakit yang memudaratkan kesihatan,” katanya pada sidang media selepas perasmian Sabah Wildlife Conservation Colloquium (SWCC) 2012, di sini, baru-baru ini.

SWCC 2012 dianjurkan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Jabatan Hidupan Liar bersama dengan Borneo Conservation Trust (BCT), Ladang Danau Girang dan HUTAN.

Turut diadakan, Program Pemuliharaan orang utan Kinabatangan yang dirasmikan bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Masidi Manjun.

Datuk Masidi Manjun berkata, penguatkuasaan undang-undang sedia ada perlu dilaksanakan dengan serius dan menuntut komitmen dari semua pihak bagi menangani masalah itu.

“Kita ada banyak undang-undang berkaitan alam sekitar tetapi ada yang tidak dikuatkuasakan. Apa guna buat undang-undang tetapi tidak diamalkan,” katanya.

Beliau juga meminta syarikat perladangan dan pekebun kecil sawit membantu kerajaan negeri menjaga dan memulihara hidupan liar dan biodiversiti. Ini penting kerana sejak kebelakangan ini habitat hidupan liar termasuk gajah, badak, orang utan semakin terancam dan menyusut populasinya.

“Ini berikutan populasi manusia yang semakin bertambah yang memerlukan pertambahan ruang dan makanan. Aktiviti penebangan hutan secara meluas untuk pelbagai tujuan pembangunan juga turut menyumbang kepada pengencilan habitat hidupan liar,” katanya.

# Pekebun kecil disaran tingkat produktiviti

## Langkah terbaik perkas komoditi, kukuh ekonomi

Oleh Amran Ariffin  
amranariffin@mpob.gov.my

**S**IPITANG: Pekebun kecil komoditi utama negara disaran berusaha meningkatkan produktiviti tanaman bagi meningkatkan kemajuan sektor komoditi dan pada masa sama meningkatkan pendapatan serta taraf sosio ekonomi keluarga.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) melalui Program Hello Komoditi akan sentiasa turun padang mendekati pekebun kecil bagi menyalur maklumat dan memberi khidmat nasihat bagi mencapai hasrat itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata demikian sewaktu berucap merasmikan program Hello Komoditi di Dewan Orang Ramai, di sini, baru-baru ini.

Katanya, KPPK bersama agensi di bawahnya menganjurkan program seumpama itu untuk membantu pekebun kecil dan penduduk setempat bagi meningkatkan produktiviti tanaman komoditi yang meliputi sawit, getah, koko, lada, kayu-kayan, kenaf, tembakau dan sagu.

Beliau berkata, kementeriannya menjadualkan penganjuran program itu ke seluruh negara secara berperingkat bagi membolehkan pekebun kecil komoditi itu dan orang ramai berpeluang menyertainya.

"Selain itu, ia bertujuan mempromosi dan menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang kerjaya di sektor perusahaan perladangan dan komoditi apabila mereka dewasa kelak.

"Melalui seminar dan pameran yang disediakan di bawah program ini, peluang kerjaya di sektor per-

ladangan terutama bidang agronomi, kejuruteraan, pengurusan ladang dan juga keusahawanan didedahkan untuk menarik minat orang ramai.

"Saya berharap orang ramai terutama golongan muda akan mendapat maklumat tepat mengenai perkembangan dan peluang kerjaya ditawarkan disamping maklumat perkembangan setiap industri komoditi," katanya.

Dato' Hamzah Zainuddin berkata, MPOB mengambil inisiatif menubuhkan Koperasi Penanaman Sawit Mampan di seluruh negara bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti melalui Amalan Pertanian Baik.

Dalam hal ini, pekebun kecil adalah digalakkan menyertai koperasi bagi meningkatkan produktiviti, sekali gus meningkatkan pendapatan dan taraf sosio ekonomi keluarga.

Beliau berkata, sehingga kini, se-



DATO' Hamzah Zainudin menyampaikan Kupon Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) kepada Murin Jurih sempena program Hello Komoditi di Sipitang, Sabah. Turut kelihatan Ketua Pejabat MPOB Sabah, Zainal Shafie (kanan).

banyak 12 koperasi ditubuhkan iaitu di Tongod, Kunak, Tawau, Beluran dan Kinabatangan di Sabah, Seratok dan Belaga di Sarawak, Jasin di Melaka, Kluang dan Kulaijaya di Johor, Temerloh dan Bera di Pahang dan Kuala Selangor di Selangor.

"Penyertaan pekebun kecil dalam gerakan koperasi penanam sawit mampan adalah landasan utama ke arah memperoleh sijil minyak sawit mampan.

"Usaha ini akan menyumbang

kepada pengeluaran minyak sawit mampan yang mesra alam dan selamat untuk dimakan selaras dengan kehendak pengimport dan pengguna masa kini," katanya.

Sempena program itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LK&TN) dan Lembaga Lada Malaysia (LKM) turut menyertai acara pameran.

DATO' Seri  
Utama Shahrir  
Abdul Samad  
(tiga dari kiri)  
bersama  
Senator Nick  
Xenophon  
(empat dari  
kiri) melawat  
Pusat  
Pemulihan  
Orang Utan  
Sepilok,  
Sandakan,  
Sabah. Turut  
serta Ahli  
Parlimen Batu  
Sapi, Datin  
Linda Tsen  
Thau Lin  
(dua dari kiri).



## Senator Nick Xenophon lawat ladang sawit

Oleh Mohd Yahaya Osman  
yahaya@mpob.gov.my

**S**ANDAKAN: MPOB menganjurkan lawatan ke ladang sawit dan pusat pemulihan orang utan kepada delegasi Ahli Parlimen Australia yang diketuai Senator Nick Xenophon dan pengiringnya Dr Fernandes, Eric Rowan Ramsey serta Ketua Pegawai Eksekutif Zoo Victoria, Australia, Jenny Gray, di sini, baru-baru ini.

Delegasi diiringi Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad; Ahli Parlimen Batu Sapi, Datin Linda Tsen Thau Lin dan pegawai kanan MPOB. Sebelum itu delegasi menyertai Sabah Wildlife Conservation Colloquium (SWCC) 2012 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah.

Tujuan lawatan adalah untuk memberi peluang kepada delegasi Australia melihat sendiri tanaman

sawit yang diusahakan secara mampan, mesra alam sekitar dan biodiversiti, tidak mengancam hidupan liar serta sebagai sumber pendapatan kepada rakyat terutama pekebun kecil.

Senator Nick Xenophon adalah ahli parlimen bebas Australia yang mencadangkan Rang Undang-undang kepada Kerajaan Australia supaya menguatkuasakan pelabelan kandungan minyak sawit pada bungkusan produk makanan yang mempunyai kandungan minyak sawit.

Cadangan itu menggambarkan seolah-olah minyak sawit dihasilkan melalui amalan tidak sihat dan tidak selamat untuk dimakan. Sekiranya cadangan itu diluluskan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Australia, ia akan menjejaskan pendapatan Malaysia sebagai pengeksport terbesar minyak sawit dunia.

Lawatan juga untuk menjelaskan tuduhan liar NGO yang mengata-

kan Kerajaan Malaysia menebang hutan dan membangunkan ladang tanaman sawit menyebabkan kepupusan hidupan liar seperti orang utan, gajah dan badak Borneo.

Rombongan dibawa melawat ke Pusat Pemulihan orang utan Sepilok untuk melawat pelantar orang utan liar diberi makan setiap hari pada jam 10 pagi dan 3 petang. Pusat ini diwujudkan bagi memastikan hidupan liar itu terpelihara dan mengelakkan daripada pupus.

Rombongan juga dibawa melawat ke Rainforest Discovery Centre (RDC) bagi mendedahkan flora dan fauna semula jadi. Rombongan diberi taklimat oleh Ketua Pusat itu, Bernadette Joeman.

Delegasi juga dibawa melawat pekebun kecil sawit, Kassim Mohamad yang mengusahakan tanaman sawit berkeluasan 6.11 hektar dan 23 ekor kambing dari program integrasi ternakan anjuran MPOB.

### TAWARAN MENYERTAI KURSUS INTENSIF DIPLOMA PENGURUSAN PELADANGAN DAN TEKNOLOGI SAWIT SESI MAC - JUN 2012

SIAPA YANG PERLU HADIR

Individu dari Industri peladangan sawit, dalam dan luar negara atau mana-mana pihak yang berminat secara langsung atau tidak langsung dengan peladangan sawit dipelawa untuk mengikuti kursus di atas.

Pemohon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Diploma dalam bidang pertanian yang dikiratkan; atau
- Lulus SPM dengan kredit Bahasa Inggeris dan Sains atau mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun di sektor peladangan, dan
- Warganegara Malaysia

OBJEKTIF

Memberi pendedahan kepada para peserta kursus mengenai pelbagai teknologi terkini yang berkaitan dengan peladangan hutan sawit dan produksinya serta memberi penekanan terhadap pengurusan peladangan yang dapat membantu meningkatkan tahap kualiti kerja serta pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam industri sawit

<p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">METODOLOGI</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ceramah</li> <li>2. Perbincangan</li> <li>3. Lawatan Ladang/Praktikal</li> <li>4. Peperiksaan</li> <li>5. Projek/Kerja Kursus Praktikal</li> </ol> <p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">BAHASA PENGHANTAR</p> <p style="font-size: x-small;">Bahasa pengantar adalah Bahasa Inggeris.</p> <p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">TARIKH TUTUP</p> <p style="font-size: x-small;">Tarikh tutup penghantaran borang pendaftaran adalah pada 29 Februari 2012</p> <p style="font-size: x-small; margin: 5px 0;">Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kuitansi wang pos atas nama</p>	<p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">BORANG PENDAFTARAN</p> <p style="font-size: x-small;">Pemohon hendaklah mengi borang pendaftaran yang boleh didapati di laman web: MPOB www.mpo.gov.my.</p> <p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">YURAN PENDAFTARAN</p> <p style="font-size: x-small;">RM6,500.00 Warganegara Malaysia Euro (€) 3,000 Warganegara Asing (Tidak termasuk penginapan)</p> <p style="font-size: x-small;">Latihan Sengul di Estel (pilihan) RM1,800 Warganegara Malaysia Euro (€) 500 Warganegara Asing</p> <p style="font-weight: bold; margin: 5px 0;">KETUA PENGARAH MPOB.</p>
---	--

PERTANYAAN Untuk penyertaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hjh Azarah Lockman  
No. Tel: 03-89267044 atau 03-8788458  
Faks: 03-8927568  
E-mail: azarah@mpob.gov.my
- En Omar Hj Kamil  
No. Tel: 03-8746868  
No. 010-8336880  
Faks: 03-89287547  
E-mail: omar@mhk@mpob.gov.my

# Projek permulaan (EPP) NKEA capai sasaran 2011

Dilaksana kerajaan menerusi MPOB, industri minyak sawit



Pencapaian EPP8 juga membanggakan apabila berupaya menjana pendapatan hasil dari pengkomersialan produk berasas makanan dan kesihatan bernilai RM22.8 juta atau 114 peratus melepasi sasaran RM20 juta

**Datuk Dr Choo Yuen May**  
Ketua Pengarah MPOB

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

**K**UALA LUMPUR: Aktiviti lapangan projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) minyak sawit berjaya mencapai sasaran ditetapkan bagi 2011, tahun pertama EPP dilaksanakan oleh kerajaan melalui MPOB dan industri minyak sawit.

Sepuluh aktiviti yang dilaksanakan di bawah EPP mencapai sa-

saran 100 peratus dan lebih berbanding sasaran ditetapkan sehingga 31 Disember 2011.

EPP mula dilaksanakan pada 2011 dengan sasaran menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) industri sawit dari RM52.7 bilion pada 2009 kepada RM178 bilion pada 2020 atau dengan pertumbuhan PNK sebanyak 6 peratus setahun.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berkata demikian sewaktu membentangkan kertas kerja bertajuk 'The Malaysian Palm Oil Industry Performance 2011 and Prospects for 2012' sempena Palm Oil Economic Review and Outlook Seminar 2012 di Hotel Renaissance, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, lapangan EPP yang dikenal pasti itu dikategorikan kepada dua, iaitu lima EPP untuk meningkatkan produktiviti dan kemampuan di sektor hulu industri sawit dan tiga EPP lagi untuk mempercepatkan pertumbuhan dan kemampuan di sektor hiliran.

Lapangan EPP itu ialah EPP1 bertujuan mempercepatkan penanaman semula sawit dengan menggunakan anak benih berkualiti; EPP2 untuk mempertingkatkan hasil buah tandan segar (BTS) melalui amalan baik pertanian; EPP3 meningkatkan produktiviti pekerja melalui penggunaan mekanisasi; EPP4 untuk meningkatkan kadar perahan minyak (OER) di kilang sawit; EPP5 untuk kilang sawit memerangkap biogas dari efluen bagi menghasilkan tenaga.

EPP6 pula untuk membangunkan derivatif oleo; EPP7 mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua dan EPP8 untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan dan produk kesihatan.

Dr Choo berkata, sehingga 31 Disember 2011, jumlah pelaburan bagi

derivatif oleo mencapai RM86.9 juta atau 151 peratus melebihi sasaran ditetapkan iaitu RM56.7 juta.

"EPP5 turut mencapai 133 peratus melebihi sasaran, iaitu sejumlah 48 buah kilang sawit membangunkan loji biogas berbanding 36 buah kilang disasarkan."

"Pencapaian EPP8 juga membanggakan apabila berupaya menjana pendapatan hasil dari pengkomersialan produk berasas makanan dan kesihatan bernilai RM22.8 juta atau 114 peratus melepasi sasaran RM20 juta.

"Bagi EPP8, rundingan pengkomersialan minyak masak tahan sejuk (Novelin) dengan syarikat dari China dan Korea Selatan diadakan dan menunggu keputusan," katanya.

Dr Choo berkata, aktiviti tanam semula kategori estet dan pekebun kecil tersusun di bawah EPP1 berjaya mencapai 83.2 peratus, iaitu sejumlah 83,200 hektar sudah ditebang dan ditanam semula menggunakan anak benih berkualiti berbanding 100,000 hektar yang disasarkan bagi 2011.

Pelaksanaan aktiviti di bawah EPP2 mencapai sasaran 100 peratus iaitu dengan perlantikan 100 orang Pegawai TUNAS dan penubuhan 11 buah Koperasi Penanaman Sawit Mampan yang bertujuan untuk meningkatkan hasil BTS.

Sejumlah 2,189 unit atau 73 peratus mesin penuai bermotor (cantas) dan 3,633 unit atau 121 peratus pengasah berlian berjaya dijual di bawah aktiviti EPP3 yang bertujuan meningkatkan produktiviti buruh melalui penggunaan mekanisasi.

Untuk EPP4, beliau berkata, pencapaian OER kilang sawit mengalami penurunan 0.5 peratus dari 20.45 peratus yang dicapai pada 2010 kepada 20.35 peratus pada 2011 disebabkan lebih hujan di Sabah dan Sarawak.

## TAWARAN MENYERTAI KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT 2012

Orang ramai terutama pengusaha yang terlibat dengan pengeluaran, penjualan, pengalihan, pembelian dan pengilangan buah sawit seluruh negara di pelawa untuk menyertai kursus tersebut di atas yang akan di adakan seperti di bawah;

### OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pendedahan kaedah penggredan mengikut piawaian Manual Penggredan Buah Sawit MPOB.
- Menerap kemahiran penggredan meliputi aspek teknikal, komersial dan falsafah penggredan buah sawit.
- Meningkatkan pengetahuan amalan pertanian baik bagi menghasilkan buah sawit berkualiti.
- Mencapai visi meningkatkan kadar perahan minyak (OER) dan kecekapan pengilangan buah sawit.
- Melatih dan meningkat kemahiran penggred buah sawit kepada mereka yang terlibat dengan pengeluaran, perniagaan dan pengilangan komoditi tersebut.

### SIAPA PATUT HADIR

- Pengurus, Penyelia dan Penggred Buah Kilang/Peniaga/Ladang Sawit
- Pekebun Kecil Sawit.
- Orang ramai yang berminat.

### SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca
- Sihat tubuh badan
- Umrur tidak kurang dari 18 tahun
- Memiliki Sijil SRP/PMR dan sekurang-kurangnya berpengalaman 1 tahun dalam urusan niaga buah sawit.
- Lulus dan tidak buta warna.

### KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah, jurulatih dan pakar berkekeluargaan dalam tajuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

### Tajuk kursus adalah:

- Penuaian buah sawit
- Kualiti buah sawit dan Kadar Perahan Minyak (OER)
- Penggredan Tandan Buah Sawit MPOB.
- Latihan amali pengenalan, menggred tandan dan demonstrasi menggred konsignasi tandan buah sawit.

### YURAN PENYERTAAN

RM500.00 (Ringgit Malaysia lima ratus sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draf atau kiriman wang pos atas nama KETUA PENGARAH MPOB.

### TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

Wilayah Tengah :  
14 - 16 Feb 2012

Wilayah Utara :  
13 - 15 Mac 2012

Wilayah Sabah :  
10 - 12 April 2012

Wilayah Timur :  
15 - 17 Mei 2012

Wilayah Selatan :  
12 - 14 Jun 2012

Wilayah Sarawak :  
2 - 4 Julai 2012

(Tertakluk kepada pindaan)

### BORANG PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my).

### PERTANYAAN

Untuk mendapatkan borang penyertaan dan maklumat lanjut, sila hubungi;

• **Pn Hj Azidah Lockman**  
No. Tel : 03-89267046 atau 03-87694568  
Faks : 03-89257549  
E-mel : azidah@mpob.gov.my

• **Norazman Mohd Yob**  
No. Tel : 03-87694874  
Faks : 03-89257549  
E-mel : azmanyob@mpob.gov.my



### FAKTA

## Projek Permulaan (EPP) di bawah NKEA Minyak Sawit

- 1) Meningkatkan produktiviti dan kemampuan sektor hulu.
  - EPP1: Mempercepatkan penanaman semula sawit.
  - EPP2: Meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS).
  - EPP3: Meningkatkan produktiviti buruh ladang.
  - EPP4: Meningkatkan Kadar Perahan Minyak Sawit (OER).
  - EPP5: Membangunkan biogas di kilang sawit.
- 2) Mempercepatkan pertumbuhan dan kemampuan sektor hiliran.
  - EPP6: Membangunkan derivatif oleo.
  - EPP7: Mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua.
  - EPP8: Mempercepatkan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan dan kesihatan.

# Pengeluaran dan harga minyak sawit Malaysia 2012

## Harga minyak sawit diramal meningkat

Oleh Ramli Abdulah  
ramli@mpob.gov.my

**Pengenalan**  
SEKTOR minyak dan lelembak dunia terdiri daripada 17 jenis minyak dan lelembak, 13 daripadanya adalah minyak sayuran dan 4 daripadanya adalah minyak dan lelembak haiwan. Minyak sawit adalah satu daripada minyak sayuran yang dipasarkan dan digunakan secara global.

Minyak sawit dihasilkan daripada pokok sawit yang mempunyai jangka hayat yang panjang, iaitu melebihi 25 tahun. Kematangan bagi pokok sawit bermula dari tahun ketiga dan ia akan mengeluarkan hasil secara bertusan sehingga akhir hayat.

Oleh itu, hal ini boleh memberikan kepastian kepada pengguna dunia bahawa mereka boleh menerima komoditi ini secara bertusan pada masa hadapan.

Namun begitu, pengeluaran produk ini boleh juga terganggu disebabkan oleh beberapa faktor tertentu, seperti cuaca, kematangan pokok dan pembajaan.

Dengan cuaca yang baik, pengeluaran akan meningkat dengan adanya peningkatan kawasan yang matang. Pembajaan pula boleh memberi kesan ke atas hasil pokok sawit dengan meningkatkan lagi hasil pengeluarannya jika ia dibaja dengan kadar yang mencukupi.

Kertas kerja ini akan menganalisa prestasi minyak dan lelembak dunia dan diikuti dengan prestasi industri sawit Malaysia pada masa lalu. Akhir sekali, ia akan melaporkan analisa yang dibuat untuk prospek industri sawit Malaysia bagi tahun 2012 dengan penekanan diberikan kepada pengeluaran dan pergerakan harga minyak sawit mentah.

**Senario minyak dan lelembak dunia**  
Minyak sawit adalah salah satu daripada 17 minyak dan lelembak yang didagangkan dan dikeluarkan di dalam pasaran dunia. Ia adalah minyak yang paling terbesar dikeluarkan. Pengeluarannya di dalam dunia adalah sebanyak 46 juta tan atau 31 peratus dari jumlah pengeluaran minyak sayuran dunia dalam 2010. Jumlah ini juga adalah 27 peratus dari jumlah keseluruhan pengeluaran minyak dan lelembak.

Minyak sawit juga adalah minyak yang terbesar didagangkan di dalam pasaran dunia. Pada tahun 2010, eksportnya meringkumi 36 juta tan, bersamaan dengan masing-masing 38.5 peratus dan 65.2 peratus dari jumlah eksport minyak sayuran dan jumlah eksport minyak dan lelembak dunia.

Peningkatan mendadak jumlah pengeluaran dan eksport minyak sawit dunia pada masa lalu boleh dikaitkan dengan perkembangan industri sawit Malaysia dan Indonesia. Pengeluaran kedua-dua negara adalah 92.7 peratus dari jumlah eksport sawit dunia pada tahun 2010.

Dari segi harga, harga minyak sawit mentah di dalam pasaran dunia adalah



HARGA minyak dan lelembak di pasaran dunia.

TANAMAN sawit menjana pendapatan kepada negara.

amat kompetitif dengan harga lain-lain minyak dan lelembak (Rajah 1).

Ini bermakna harganya adalah seiraman dengan harga-harga lain dan mereka dengan secara keseluruhannya bergerak serentak dalam arah yang sama. Ia menjadi lebih kompetitif dengan harga minyak kacang soya yang menjadi bahan pengganti antara satu sama lain.

### Perkembangan industri minyak sawit Malaysia

Industri minyak sawit Malaysia berkembang dengan pesatnya sejak beberapa abad lalu. Sejak 1975 hingga 2011, kawasan tanaman sawit telah meningkat pada kadar 6 peratus setahun (Rajah 2). Kawasan di Semenanjung Malaysia pula meningkat pada kadar 4 peratus, Sabah 9 peratus dan Sarawak 1.3 peratus.

Bagaimanapun, untuk jangka masa pendek dari 2000 hingga 2011, kadar peningkatan menurun dengan Semenanjung Malaysia meningkat dengan kadar hanya 2 peratus, Sabah 3 peratus, Sarawak 1.1 peratus dan Malaysia 4 peratus. Perkembangan terkini menunjukkan yang negara ini sedang mengalami kesempitan tanah yang masih ada untuk ditanam dengan sawit.

Analisa kami juga menunjukkan yang kawasan tanaman semula telah meningkat tetapi dengan kadar yang berubah-ubah pada tiap-tiap tahun. Yang boleh

menarik perhatian kita adalah pergerakan keluasan tanah tanaman semula ini ada mempunyai kaitan dengan harga minyak sawit mentah. Kedua-dua mereka telah menunjukkan kaitan yang negatif, seperti yang berlaku bagi 12 daripada 16 tahun dalam Rajah 3.

Satu corak yang unik yang disebut di atas telah dibentuk mengikut indeks yang dihasilkan. Bulan Februari adalah satu bulan di mana hasil pengeluarannya amat rendah dengan indeksnya bersamaan dengan 0.77.

Pengeluaran tahunan minyak sawit mentah di Malaysia juga meningkat pada masa lampau disebabkan peningkatan kawasan tanaman sawit. Ia meningkat pada kadar yang lebih pantas dari peningkatan bagi keluasan tanaman sawit.

Namun, ia juga menunjukkan pertumbuhan yang kurang stabil jika dibandingkan dengan pertumbuhan luas kawasan tanaman sawit.

Pengeluaran bulanan minyak sawit Malaysia sejak 1990 telah menghasilkan satu corak yang unik yang berulang pada tiap-tiap tahun (Rajah 4). Ini adalah satu variasi pengeluaran bulanan dalam masa setahun dan variasi ini berkembang mengikut peredaran masa sehingga 2011.


Ini menunjukkan kepada kita yang pengeluaran minyak sawit menghadapi beberapa cabaran sejak kebelakangan ini terutamanya cuaca yang boleh mengganggu hasilnya dan aktiviti-aktiviti menuai.

Dengan data bulanan pengeluaran minyak sawit Malaysia yang diperoleh seperti di dalam Rajah 4, analisa dibuat untuk mendapatkan indeks bulanan bagi pengeluaran minyak sawit seperti yang terparip di dalam Rajah 5.

Satu corak yang unik yang disebut di atas telah dibentuk mengikut indeks yang dihasilkan. Bulan Februari adalah satu bulan di mana hasil pengeluarannya amat rendah dengan indeksnya bersamaan dengan 0.77.



PROSPEK harga minyak sawit mentah tempatan untuk 2012.



PERKEMBANGAN kawasan tanaman sawit di Malaysia.

purata pengeluaran. Dari segi eksport, jumlah eksport Malaysia meningkat dan seiring dengan pengeluaran sehingga tahun 2009. Boleh dikatakan Malaysia telah mengeksport sebanyak lebih kurang 90 peratus dari apa yang dikeluarkan tiap-tiap tahun. Namun pada 2010 dan 2011, peratus ini telah bertambah disebabkan oleh kejatuhan pengeluaran.

Walau bagaimanapun, pengeluaran dan eksport minyak sawit meningkat, harganya tidak berkelakuan seperti begitu. Ia menunjukkan satu variasi yang amat tinggi (Rajah 6). Dengan menggunakan 'coefficient of variation' (CV) sebagai pengukur, ia adalah bersamaan dengan 51 peratus untuk variasi harga dari 1960 hingga 2011, satu variasi yang tinggi oleh kerana lebih kurang separuh dari data harga ini berada jauh dari harga puratanya.

Rajah 6 juga menunjukkan empat jangka masa yang sama panjang, masing-masing mengandungi 12 tahun. Untuk jangka masa yang pertama (1961 - 1972), purata harga minyak sawit adalah dalam lingkungan RM500 satu tan, manakala jangka masa ke dua (1973 - 1984), puratanya adalah lebih kurang RM1,000.

Bagi jangka masa ketiga (1985 - 1996), ia telah mewujudkan satu trend harga yang meningkat dan yang keempat (1997 - 2008) trendnya adalah lagi mendadak.

**Prospek pengeluaran dan harga minyak sawit Malaysia bagi 2012**  
2012 adalah satu tahun yang penuh dengan cabaran bagi industri sawit negara Malaysia, terutamanya dari aspek pengeluaran dan harganya.

Imbas kembali pada tiga tahun kebelakangan, pengeluaran minyak sawit tidak mengikut arah aliran yang normal. Pada 2009, kejatuhan pengeluaran kepada 17.5 juta tan adalah dijangka kerana pada tahun sebelumnya pengeluaran telah me-

ningkat dengan mendadak kepada 17.7 juta tan (Rajah 7). Bagaimanapun, kejatuhannya pada 2010 amat tidak dijangka sebab ini adalah kejatuhan berturut-turut untuk kali yang kedua yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ia sepatutnya menunjukkan satu lonjakan pada 2010 disebabkan wujudnya peningkatan kawasan matang sawit, tetapi sebaliknya ia telah menurun disebabkan oleh gangguan cuaca dan berada jauh dari trend normalnya.


Pada 2011, pengeluaran minyak sawit meningkat semula kepada 18.9 juta tan dan ia boleh diibaratkan sebagai berada semula pada tahap trend asalnya yang normal.

Bagaimanapun, pengeluaran bagi 2012 boleh menjadi satu tanda tanya. Sekiranya disandakan peningkatan luas tanaman sawit, peningkatan luas kawasan matang, peningkatan luas tanaman semula pada 2009 dan cuaca yang baik, maka dijangkakan pengeluaran bagi 2012 adalah sebanyak 19.36 juta tan.


Prospek harga bagi 2012 juga boleh menjadi satu tanda tanya. Rajah 6 di atas menunjukkan 2011 adalah tahun ketiga bagi jangka masa yang kelima yang bermula dari 2000 hingga 2020. Harga minyak sawit terus meningkat di penghujung tahun 2011.

Di manakah arah tuju harga seterusnya bagi 2012? Beberapa andaiian diambil kira dalam usaha untuk menghasilkan prospek harga bagi 2012 termasuklah harga minyak kacang soya yang stabil, harga minyak mentah petrol yang juga stabil, dan pengeluaran minyak sawit yang meningkat, maka harga minyak sawit mentah Malaysia untuk 2012 adalah seperti di dalam Rajah 8 yang menunjukkan harga bulanan dalam bentuk deretan.


Boleh dikatakan harga akan berada di tahap yang baik pada 2012, sedikit lebih tinggi daripada 2011.




KAITAN luas tanaman semula dan harga minyak sawit mentah.




PENGELUARAN bulanan minyak sawit mentah.



INDEKS bermusim bagi pengeluaran minyak sawit mentah.



PERGERAKAN harga minyak sawit Malaysia.



PROSPEK pengeluaran minyak sawit Malaysia untuk 2012.



DR RASHID menunjukkan deodoran yang dihasilkan daripada sawit.

# Deodoran sawit halang peluh, kawal bau badan

Yis diimport dari Amerika Syarikat, minyak sawit hasilkan pewangi

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
Azmitinurazlinee@bharian.com.my

**P**ENGGUNAAN deodoran (anti-bau) dan antiperspirants (anti-peluh) menjadi amalan harian ramai individu sebagai pewangi badan, menghalang bau dan peluh. Namun, tanpa disedari penggunaan deodoran secara berlebihan atau kerap turut menyumbang kepada masalah Alzheimer iaitu satu bentuk penyakit nyanyuk (demensia).

Mengikut beberapa kajian, kebanyakan deodoran dalam pasaran didakwa mengandungi kandungan kimia berbahaya iaitu Aluminium Chlorohydrate yang bertujuan menyekat peluh daripada keluar dan melekat di kawasan sekitar dan baju selain berupaya mengekalkan kekeringan dan rasa segar sepanjang hari.

Bagaimanapun Pegawai Penyelidik Kanan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Abdul Rashid Yatim, ketika ditemui baru-baru ini menjelaskan bahawa Aluminium Chlorohydrate dihasilkan dalam industri melalui tindak balas antara aluminium hydroxide,  $Al(OH)_3$  dengan hydrochloric acid (HCl).

Beliau berkata, semua bahan kimia terbabit ditindakbalaskan menggunakan stim pada suhu 100 darjah Celcius pada tangki terbuka dan hasil Aluminium Chlorohydrate yang digunakan dalam deodoran mengeluarkan warna kuning pada ketiak dan baju yang dipakai.

Malah katanya, deodoran yang berfungsi sebagai antipeluh akan menyebabkan peluh beracun atau toksin dalam badan tidak dapat dikeluarkan secara semula jadi dan akan terakumulasi dalam badan dan bertakung di bahagian tertentu

sekali gus menjadi punca kepada Alzheimer.

Sehubungan itu, Abdul Rashid menerusi kajiannya terhadap minyak sawit berjaya mencipta produk berasaskan bahan sayuran tanpa menggunakan sebarang bahan kimia dalam penghasilan deodoran yang akan dipasarkan tidak lama lagi.

Dengan menggunakan kaedah bioteknologi iaitu Yis istimewa yang diimport dari Amerika Syarikat dan minyak sawit, penyelidik MPOB itu berjaya mencipta deodoran tanpa menghalang peluh keluar daripada badan tetapi boleh mengawal bau badan disebabkan peluh.

Penghasilan Liquid Deodorant dapat membantu pengguna mengguna tanpa ragu-ragu dan penggunaan deodoran daripada sumber syura lebih terjamin kerana ia sesuai untuk semua jenis kulit.

Selain itu katanya, jika deodoran di pasaran boleh menyebabkan radang kulit, kulit kering dan meninggalkan kesan kuning di baju dan ketiak tetapi Liquid Deodorant sebaliknya.

Beliau berkata, sehingga hari ini, terdapat beberapa syarikat berminda dengan produk ciptaannya itu dan pemarkaran ke luar masih berada dalam perbincangan antara MPOB dan syarikat pengeluar terbabit.

"Selain mesra pengguna, ciptaan terbaru di bawah MPOB ini boleh menjana ekonomi negara selain menyahut seruan kerajaan untuk mengeluarkan dan menggunakan produk tempatan termasuk memasarkannya ke luar negara.

"Kos pembuatan Liquid Deodorant sangat rendah berbanding deodoran yang menggunakan bahan kimia seperti aluminium malah setiap kajian yang dilakukan selama lima tahun itu membuahkan hasil kerana penggunaannya mudah, tidak melekit, mampu mengawal bau badan dan pembuangan toksin menerusi pengeluaran peluh masih berlaku tanpa sebarang gangguan," katanya.

Teknologi baru MPOB itu turut memenangi Gold Award di pertandingan reka cipta, International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX'11) pada Mei lalu.

Tambah beliau, Liquid Deodorant adalah deodoran pertama keluaran Malaysia yang bersumberkan minyak sawit dan disebabkan itu MPOB akan terus merancang promosinya sehingga di peringkat antarabangsa seperti menyertai ITEX di Geneva.




Semua bahan kimia terbabit ditindakbalaskan menggunakan stim pada suhu 100 darjah Celcius pada tangki terbuka dan hasil Aluminium Chlorohydrate yang digunakan dalam deodoran mengeluarkan warna kuning pada ketiak dan baju yang dipakai

Dr Abdul Rashid Yatim  
Pegawai Penyelidik Kanan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

## TAWARAN HEBAT

**SKIM DISKAUN CANTAS™ (SKIDIC)**



**JIMAT RM1000!!!!**

Untuk setiap unit pembelian Pemotong Sawit Bermotor (Cantas™)

### KEGUNAAN CANTAS™

Untuk menuai tandan dan memotong pelepah sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penuaian.

### KEMAMPUAN CANTAS™

- Pantas – masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak.
- Jimat Tenaga – tidak melelahkan dan dapat memanjangkan masa bekerja.
- Mudah – mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas.
- Bergaya – boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
- Meningkatkan produktiviti penuaian.
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian.
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain.

### SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
2. a. Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penuaian adalah 2 ha.  
b. Bagi penuai persendirian/peniaga/kontraktor yang memberi khidmat penuaian di kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil\* jumlah keluasan minimum ialah 20 ha\*\* atau menuai di kebun sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang munasabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau sebab-sebab lain yang diputuskan oleh MPOB. Bagi yang menuai ladang syarikat swasta/estet, jumlah keluasan minimum adalah 50 ha @ 1 unit Cantas™.
3. Lat-lot yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan tersusun).

### BAGAIMANA MEMOHON?

Permohonan melalui borang boleh dibuat melalui:  
Pegawai TUNAS di kawasan anda.

### UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

- Sheilyza Mohd Ishak Tel: 03-8769 4549
- Siti Zulaiha Md Zali Tel: 03-8769 4252  
Faks: 03-8925 9446
- atau lawati [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

TUNGGU APA LAGI ?!!  
SIAPA CEPAT DIA  
**DAPAT**



MPOB

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PELODANGAN  
DAN KOMODITI

# Penyelidik MPOB perlu tingkat kualiti

Tema 1 MPOB Transformasi Gemilang jadi penggalak jayakan pembangunan negara

Oleh Amirullah Othman  
amirullah.othman@gmail.com

**B**ANGI: MPOB menyambut Hari Kualiti tahun 2011 dengan memberi pelbagai anugerah bagi menghargai sumbangan anggota ke arah melahirkan organisasi penyelidikan dan pembangunan cemerlang serta menyumbang kepada kemajuan industri sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan perasmian Majlis Anugerah Q MPOB tahun 2011 baru-baru ini berkata, sambutan Hari Q tahun ini bertepatan 1 MPOB Transformasi Gemilang.

“Tema ini amat signifikan kepada anggota MPOB bagi melakukan perubahan selaras transformasi negara yang diilhamkan Perdana Menteri untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap, berkesan dan pembangunan modal insan yang berdaya saing.

Beliau berkata anggota MPOB perlu berusaha menambah baik dan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan selaras hasrat untuk menjadikan MPOB sebuah institusi penyelidikan bertaraf dunia.

“Warga kerja MPOB perlu menjadikan tema ini sebagai faktor penggalak dalam melaksanakan tugas penyelidikan di samping memabatkan diri di dalam aktiviti lain

yang memberi manfaat kepada negara, organisasi, keluarga dan masyarakat.

Datuk Dr Choo berkata, sambutan Hari Q membawa erti yang sangat jelas dan bermakna di mana faktor utama yang perlu diberi keutamaan oleh semua warga kerja adalah ‘kualiti’.

Tanpa kualiti akan pincanglah prestasi anggota dan secara tidak langsung reputasi MPOB akan turut terjejas.

“Sebagai agensi yang meneraju industri sawit negara, aspek kualiti perlu dihayati dan diadaptasi melalui pelaksanaan secara terancang, tersusun dan teratur,” katanya.

Beliau berharap warga kerja MPOB dapat menjayakan agenda pembangunan negara yang termaktub di bawah Gagasan 1 Malaysia, Program Transformasi kerajaan, Model Baru Ekonomi dan inisiatif pembangunan yang lain termasuk pelaksanaan projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) sektor sawit.

Sempena majlis itu, anugerah bagi menghargai sumbangan kakitangan diberikan. Antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khidmat Bakti, Anugerah Khidmat Emas, Hadiah Bank Idea, Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Pejabat Am, Makmal Dan Loji Rintis Terbaik, Anugerah



DATUK Dr Choo Yuen May menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada pegawai MPOB sempena sambutan Hari Q MPOB 2012. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo.



*Sebagai agensi peneraju industri sawit negara, aspek kualiti perlu dihayati dan diadaptasi melalui pelaksanaan secara terancang*

Dr Choo Yuen May  
Ketua Pengarah MPOB

Keutuhan, Anugerah Sagu hati Pernerbitan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Anggota Kontrak).

Seramai 100 warga kerja MPOB terpilih menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi menghargai dan mengiktiraf kualiti sumbangan mereka melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.

Penghargaan itu juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan se-

bagai warga kerja contoh dan daya penarik kepada anggota lain untuk turut sama meningkatkan taraf perkhidmatan bagi merealisasikan matlamat organisasi.

Beliau berharap dengan pengiktirafan itu, warga kerja MPOB akan terus menjalankan tugas dengan penuh keazaman dan diperkukuhkan dengan akhlak yang baik sejajar dengan tema MPOB iaitu 1 MPOB Transformasi Gemilang.

## Kilang sawit Kemaman, 8 ladang dianugerah sijil CoP

Oleh Mohd Mokmin Bahari  
mokmin@mpob.gov.my

**K**UALA TERENGGANU: MPOB menganugerahkan Sijil Kod Amalan Pertanian Baik (CoP) kepada lapan (8) ladang dan Sijil Kod Amalan Baik Kilang Sawit kepada sebuah kilang sawit milik Terengganu Development Management Plantation Sdn Bhd (TDMP), anak syarikat TDM Berhad (TDMB), selepas selesai dan berjaya menjalani proses pengauditan juruaudit MPOB.

Lapan ladang sawit itu masing-masing terletak, tiga di daerah Dungun, tiga di Kemaman, dua di Setiu dan satu di Hulu Terengganu meliputi keluasan 26,559 hektar. Kilang sawit berkenaan pula adalah Kilang Sawit Kemaman yang terletak di Padang Kubu, Kemaman, Terengganu.

Sijil CoP berkenaan disampaikan Pengerusi TDM, Datuk Roslan Awang Chik kepada Pengerusi TDMP, Datuk Mohd Jidin Shafee dan Pengurus Kilang dan Ladang yang terbabit pada Majlis Pentauliahann Pensijilan Kod Amalan Baik MPOB, di sini, baru-baru ini.

CoP yang dilancar secara rasmi

pada tahun 2007 menggariskan amalan baik sebagai panduan kepada penanam dan pengeluar bagi menghasilkan minyak sawit mampan (sustainable palm oil).

Minyak sawit dan produk yang dihasilkan perlu memenuhi kod amalan mampan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kualiti, kebersihan, kesan ke atas alam sekitar dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau (GHG) bagi meyakinkan dan memenuhi kehendak pengimport.

Ketua Pegawai Eksekutif TDMP, Abdul Halim Yusof, berkata Pensijilan CoP dari MPOB ini adalah langkah awal TDMP memastikan pelaksanaan amalan baik pertanian bagi menghasilkan minyak sawit mampan ke arah memenuhi piawaian minyak sawit di pasaran dunia.

Beliau berkata, ladang dan kilang minyak sawit kumpulan itu tidak menghadapi masalah untuk mematuhi dan mengamalkan kod amalan mampan ditetapkan.

“Syarikat ini memberi jaminan akan memastikan setiap rantaian pengeluaran di ladang dan kilang sawitnya akan melaksana amalan mampan seperti yang digaris dalam

Kod Amalan berkenaan.

“Pengurusan ladang dan kilang juga disaran melaksana langkah proaktif untuk menambah baik di setiap rantaian proses supaya selaras dengan kehendak Kod Amalan dan ia akan dijadikan budaya kerja syarikat ini,” katanya.

“Melalui Kod Amalan ini membolehkan syarikat kami mengenalpasti dan menilai proses yang memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

“Ia adalah satu mekanisme baru bagi syarikat kami untuk terus meningkatkan produktiviti pada masa sama berupaya menghasilkan minyak sawit mampan seperti dituntut pengguna dan pengimport pada masa ini,” katanya.

Beliau juga berkata, pada tahun 2010, kelapan-lapan ladang sawit yang dianugerah sijil CoP adalah teras perniagaan TDMP dan mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM119.5 juta, meningkat sebanyak 73 peratus berbanding tahun sebelumnya.

“Kami menyasarkan penghasilan sebanyak 20 tan buah tandan segar (BTS) sehektar dan keuntungan kasar sehingga RM200 juta pada tahun ini,” katanya.

**TAWARAN MENYERTAI KURSUS PENGURUSAN & PENYELenggaraAN NURSERI SAWIT 2012**

Orang ramai terutama pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara dipelawa untuk menyertai kursus tersebut yang akan diadakan seperti dibawah:

**OBJEKTIF KURSUS**

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawian yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang keperluan dan standard yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoGN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam semaian sawit.

**SAROH DAN JANGKA MASA KURSUS**

Wilayah Sabah, Sabah (6-7 Mac 2012)
Wilayah Sarawak, Sarawak (17-18 April 2012)
Wilayah Timur/Selatan (10-11 Julai 2012)
Wilayah Utara (11-12 Sept 2012)
Wilayah Tengah (16-17 Okt 2012) (Tertakluk kepada pindaan)

**SYARAT PENYERTAAN**

- Warganegara Malaysia.
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Malaysia.
- Sihat tubuh badan.
- Umur tidak kurang 18 tahun.

**KANDUNGAN KURSUS**

Syarat dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh penyarah dan jurulatih yang berkelayakan dan pakar dalam topik-topik berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

**TAJUK KURSUS ADALAH:**

- Aspek Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalselenggaraan Nurseri Sawit
- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri untuk Nurseri Sawit (CoGN)
- Latihan amali di nurseri sawit bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

**YURAN PENYERTAAN**

RM 500. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kuitansi wang pos atas nama **KETUA PENGARAH MPOB**.

**BORANG PERMOHONAN**

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh diadapali di laman web MPOB [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my).

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan bagi setiap wilayah adalah dua minggu sebelum kursus bermula.

**PERTANYAAN**

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hjh Azizah Lockman**  
No. Tel: 03-89257046 atau 03-87694508 Faks: 03-89257549 E-mel: azah@mpob.gov.my
- Normadiya Yunus**  
No. Tel: 03-8769 4870 Faks: 03-8925 7549 E-mel: normadya@mpob.gov.my

**MPOB**  
[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)





# Seminar Reach & Remind beri gambaran hala tuju industri

Tanaman sawit lebih berdaya saing serta aktif jana ekonomi negara

Oleh Razita Abdul Razak

**S**EBAGAI pembuka tirai tahun 2012, MPOC menganjurkan seminar Reach & Remind 2012 Friends of the Industry: Opportunities and Challenges in 2012 pada 16 Januari lalu untuk memberikan gambaran dan hala tuju industri sawit Malaysia untuk tahun 2012 kepada para penggiat industri ini.

YB Datuk Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi hadir untuk memberikan ucapan utama dan seterusnya berdialog dengan para penggiat industri sawit Malaysia.

Di dalam ucapan utama beliau, Datuk Hamzah berkata, industri sawit Malaysia kini telah menjadi lebih maju dan berdaya saing, dan tidak hanya bergantung kepada aktiviti-aktiviti asas seperti penapisan dan pengilangan. Industri sawit Malaysia telah mengorak langkah kepada pengeluaran produk oleokimia, fitonutrien, biodisel dan penggunaan biomasa.

Di peringkat hulu pula, kerajaan berusaha mencari kaedah dan cara-cara untuk meningkatkan produktiviti tanaman sawit. Salah satu



DATUK Hamzah turut serta di dalam sesi dialog Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi dengan penggiat industri sawit dipengerusikan oleh Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor. Turut kelihatan, Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron (kiri); Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, (kanan); Pengerusi MPOB, Datuk Seri Utama Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datin Paduka Nurmalia Abdul Rahim, (tiga dari kanan).

aktiviti yang dilakukan ialah membantu pekebun kecil sawit menanam semula. Ini adalah sejajar dengan matlamat jangka panjang kerajaan untuk meningkatkan purata penghasilan buah tandan segar

(FFB) kepada 35 tan per hektar setahun dengan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 25 peratus menjelang tahun 2020 berbanding dengan penghasilan sekarang iaitu sebanyak 25 tan FFB perhektar setahun dengan OER sebanyak 20 peratus. Langkah-langkah ini dilaksanakan melalui program NKEA industri sawit.

Industri sawit juga disarankan supaya menonjolkan amalan-amalan mesra alam dengan lebih ketara. Kerajaan amat menggalakkan penggunaan biomas dengan lebih efektif disamping amalan pembuangan sifar. Ini adalah sejajar dengan Malaysian Biomass Initiative yang baru dilancarkan oleh kerajaan untuk memberi peluang menghasilkan keuntungan dari bahan buangan. Secara tidak langsung, ini juga akan meningkatkan piawaian kemampunan sektor sawit.

Semasa sesi dialog bersama penggiat industri sawit, Datuk Hamzah berkata bahawa pihak kementerianannya peka terhadap perkembangan di dalam industri sawit dan sentiasa akan memastikan industri sawit Malaysia mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kerajaan.

Seminar ini telah dianjurkan oleh MPOC buat kali ke-3 sejak tahun 2010, dan disasarkan kepada penggiat utama industri sawit Malaysia dan juga industri-industri berkaitan.

MPOC (Majlis Minyak Sawit Malaysia) ialah salah satu agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang bertanggungjawab menggalakkan perluasan pasaran minyak sawit Malaysia dan produk-produk berkaitan, dengan meningkatkan imej dan penerimaannya melalui kepelbagaian kelebihan tekno-ekonomi



Pihak kementerian sentiasa memastikan industri sawit Malaysia mendapat perhatian yang sewajarnya dari pihak kerajaan

**Datuk Hamzah Zainuddin**  
Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

minyak sawit serta kelestarian tanamannya.

MPOC mempunyai sebanyak 10 rangkaian pejabat di seluruh dunia yang terletak di Cina (Shanghai), India (Mumbai), Pakistan (Lahore), Bangladesh (Dhaka), Timur Tengah (Istanbul dan Kaherah), Eropah (Brussels dan Moscow), Africa (Durban) dan Amerika (Washington DC) untuk memberi sokongan, dan menggalakkan pasaran baru untuk industri ini.

Industri minyak sawit Malaysia terus memainkan peranan penting di dalam menjana ekonomi negara. Ia terus bertahan menghadapi berbagai bentuk cabaran dari pandangan negatif hinggalah kepada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas berbagai pihak dari seluruh dunia. Walau bagaimanapun, industri ini

terus mara dan menjadi salah satu penyumbang terbesar kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Industri ini juga memberi peluang pekerjaan secara langsung kepada 570,000 rakyat Malaysia.

Malaysia adalah salah satu pengeluar dan pengeksport terbesar minyak sawit dunia. Jumlah pengeluaran minyak sawit mentah pada tahun 2011 ialah lebih kurang 18.9 juta tan, manakala jumlah eksport produk sawit menjangkau 24.3 juta tan. Eksport minyak sawit dan produk sawit telah memberi pulangan sebanyak RM 80.4 bilion kepada negara, berbanding RM 59.8 bilion pada tahun 2010. Malaysia juga menyumbang sebanyak 37.7 peratus kepada jumlah pengeluaran dan 46 peratus jumlah eksport minyak sawit dunia.

## KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebalikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidup dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan sumber alam semulajadi untuk kehidupan.

# Biodiesel sawit (B5) selamat untuk alam sekitar

KLIM dan cuaca dunia kini semakin tidak menentu. Hujan, ribut dan banjir boleh berlaku tanpa dapat diramal dengan baik, tidak seperti di masa-masa yang lampau. Fenomena ketidaktentuan cuaca ini banyak disumbangkan oleh peningkatan suhu dunia yang secara langsungnya berpunca dari pelepasan gas rumah hijau (green house gas - GHG). GHG banyak dihasilkan dari penggunaan bahan bakar fosil seperti diesel terutamanya oleh kenderaan pengangkutan dan enjin-enjin loji yang menggunakannya. Menyedari kebimbangan terhadap fenomena tersebut, Malaysia secara sukarela telah memberi komitmen bagi mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020 berbanding pelepasan pada tahun 2005. Komitmen ini telah ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sempena Persidangan Perubahan Iklim anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Copenhagen, Denmark pada 2009.

Sebagai memenuhi komitmen tersebut, kerajaan telah mengautkuasakan penggunaan bahan api biodiesel sawit B5 bagi kenderaan pengangkutan di Wilayah Tengah yang merangkumi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor. Biodiesel sawit B5 adalah campuran sebanyak 5 peratus bahan api biodiesel dengan 95 peratus bahan api diesel petroleum atau diesel mineral. Biodiesel juga disebut sebagai Ester Metil Asid Leleak (Fatty Acid Methyl Ester - FAME). Diesel petroleum atau diesel mineral adalah diesel yang dihasilkan melalui proses penyulingan petroleum yang diperolehi dari perut bumi.

Melalui percubaan penggunaan yang dijalankan dalam kajian ber-

**Pemegang Pertama**  
**Nur Shazwani Mohamad Saat**  
(K/P: 980420-01-5310)  
**SMK (P) Taman Petaling,**  
**Jalan 5/52, 46000 Petaling**  
**Jaya, Selangor**

sama pihak MPOB, Kementerian Pertahanan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didapati bahawa penggunaan biodiesel sawit B5 telah dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar. Asap yang dilepaskan dari kenderaan pengangkutan adalah lebih tipis berbanding penggunaan diesel mineral sepenuhnya. Keadaan ini menggambarkan proses pembakaran yang sempurna berlaku terhadap pemuliharaan alam sekitar kerana pembakaran yang lengkap mengurangkan penghasilan GHG seperti gas karbon dioksida, karbon monoksida dan sulfur dioksida.

Penggunaan minyak sawit sebagai sumber penghasilan biodiesel turut menyumbang ke arah penyelamatan alam sekitar. Berdasarkan fakta, minyak sawit adalah tanaman yang paling tinggi penghasilan minyak sayurannya bagi setiap hektar tanaman. Ini bermakna bagi setiap liter biodiesel dihasilkan dari minyak sawit akan menggunakan keluasan tanah yang berkali ganda lebih rendah berbanding tanaman lain seperti kacang soya, biji sesawi dan jagung. Penggunaan tanah yang kurang, bermakna lebih rendah kawasan hutan yang terpaksa dikorbankan bagi menghasilkan minyak sawit berbanding minyak-minyak sayuran yang lain.

Selain itu, ketika buah sawit dituai, pokok sawit tidak perlu ditebang. Berbeza pula dengan kacang

soya di mana seluruh tanaman tersebut perlu dimusnahkan ketika dituai. Ini bermakna terdapat suatu tempoh yang panjang di mana tidak ada tumbuhan yang hidup untuk mengitar semula gas karbon dioksida yang dilepaskan sebelum kitaran semula tanaman dilakukan. Oleh itu, pokok-pokok sawit akan sentiasa mengitar semula gas karbon dioksida dari atmosfera tidak kira ketika dituai ataupun tidak.

Dalam jangka panjang, penggunaan biodiesel sawit B5 turut dapat mengurangkan malah menghapuskan pencemaran alam sekitar akibat pelupusan minyak masak terpakai. Minyak masak terpakai banyak dihasilkan oleh sektor-sektor berkaitan makanan seperti hotel, restoran dan kilang pembuat makanan selepas digunakan untuk menggoreng. Biodiesel sebenarnya boleh juga dihasilkan dari minyak sebegini dan memberikan hasil serta kualiti yang setanding. Secara umumnya, minyak sawit adalah minyak masakan yang paling banyak digunakan di Malaysia untuk menggoreng berbanding minyak sayuran lain.

Kesimpulannya, penggunaan bahan bakar biodiesel sawit B5 dapat memberikan sumbangan sama ada secara langsung mahupun sebaliknya dalam memelihara alam sekitar. Sokongan dari setiap pihak dalam menggalakkan dan memajukan penggunaan biodiesel sawit B5 akan menyelamatkan alam sekitar dari terus dicemari tanpa kawalan. Ini adalah kaedah yang lestari dalam penggunaan bahan bakar secara bijak. Ini juga adalah cara terhebat untuk kita mewariskan bumi yang lebih sihat dan selamat kepada generasi akan datang tanpa perlu mengorbankan cara hidup moden yang kita nikmati sekarang.

## Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Februari 2012

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Terdapat lapan projek permulaan di bawah NKEA sawit. Huraikan satu persatu."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;  
Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Mac 2012 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Lima
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukiran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 Februari 2012
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:  
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor.  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Januari 2012

### Pemegang:

**Hadiah Pertama**  
Nur Shazwani Mohamad Saat  
(K/P: 980420-01-5310)  
SMK (P) Taman Petaling,  
Jalan 5/52,  
46000 Petaling Jaya,  
Selangor

**Hadiah Kedua**  
Noor Farhana Jamil  
(K/P: 971210-14-5198)  
SMK Seri Kundang,  
48020 Rawang, Selangor

**Hadiah Ketiga**  
Nur Syahmina Shahabudin  
(K/P: 970714-02-5718)  
SMK Seri Pengkalan,  
78000 Alor Gajah, Melaka

## KUIZ

### KUIZ SAWIT SIRI 14



#### SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 24 Februari 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, nombor telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :  
■ **Ketua Pengarang Berita Sawit Kuiz Sawit (Siri 14)**  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

#### SOALAN KUIZ 14

1. Berapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?  
 25 tahun       10 tahun       5 tahun
2. Apakah vitamin yang terdapat dalam minyak sawit  
 Vitamin B       Vitamin C       Vitamin A dan E
3. Kursus ini mampu melahirkan pekerja mahir ladang sawit. Apakah nama kursus tersebut?  
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)  
 Kursus Ladang Sawit  
 Kursus Sawit
4. Apakah konsep yang menjadi amalan dalam industri sawit bagi meminimumkan penghasilan dan pembuangan bahan buangan berbahaya ke alam sekitar?  
 Konsep Kitar Semula  
 Konsep Pembuangan Sifar  
 Konsep Pembuangan Habis
5. Namakan jenis burung yang menjaga pokok sawit dari diserang makhluk perosak?  
 Burung Nuri  
 Burung Tioang  
 Burung Hantu
6. Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik  
 Betul  
 Salah
7. Apakah nama portal yang mengurusniagakan biji dan anak benih sawit secara online?  
 e-sawit  
 e-niaga  
 e-Benih
8. Negara manakah yang menjadi pengimport utama minyak sawit  
 Malaysia  
 China  
 Indonesia  
 Australia
9. Bagi memastikan industri sawit negara dilaksanakan secara mampan, MPOB telah memperkenalkan kod amalan iaitu...  
 CoP  
 RSPO  
 SOP
10. Pekebun kecil sawit digalakkan menyertai koperasi bagi menambah pendapatan melalui amalan sawit mampan. MPOB telah melancarkan koperasi khas bagi tujuan berkenaan yang dikenali sebagai...  
 Koperasi Pekebun Kecil Sawit  
 Koperasi Penanam Sawit Mampan  
 Koperasi Pekebun Sawit Mampa

#### NAMA PEMENANG SIRI 13

- |  |   |
|--|---|
| 1. Nur Sahira Ilyani Marzuki<br>SK Simpang Rawang, Marang, Terengganu                  | 6. Fazuan Ammar Azman<br>SK Bandar Maharani, Muar, Johor                    |
| 2. Mohammad Firdaus Talib<br>SK Sura, Dungun, Terengganu                               | 7. Nuraini Syahirah Mohd Sahabudin<br>SK Rn Rendang, Marang, Terengganu     |
| 3. Ahmad Faez Azhari Ismail<br>SK Leftenan Adnan, Jln Sg. Ramal Luar, Kajang, Selangor | 8. Muhammad Aiman Azmi<br>SK Kulai, Kg. Melayu, Kulajaya, Johor             |
| 4. Jamal Jamil<br>SK Seri Kundang, Rawang, Selangor                                    | 9. Nurul Syahira Jefferdin<br>SK Parit Lapis, Taman Nira, Batu Pahat, Johor |
| 5. Nurfarhana Mohd Johan<br>SK Kem Gemas, Kem Syed Sirajuddin, Gemas, NS               | 10. Nur Aisyahanna Abd Aziz<br>SK Sultan Ibrahim Satu, Pasir mas, Kelantan  |

#### BORANG PENYERTAAN

- Nama : \_\_\_\_\_
- Tahap : \_\_\_\_\_
- Alamat Sekolah: \_\_\_\_\_
- No. Tel: \_\_\_\_\_
- Alamat rumah: \_\_\_\_\_



TAN Sri Bernard Dompok bersama Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (dua dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) selepas perasmian Seminar Palm Oil Economic Review and Outlook 2012 anjuran MPOB di hotel Renaissance, Kuala Lumpur.



DATO' Hamzah Zainudin semasa Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi (KPPK) di Sepitang, Sabah. Turut kelihatan Ketua Pejabat MPOB Sabah, Zainal Shafei (kiri).



DATUK Seri Utama Dr Rais Yatim menyampaikan replika cek bantuan tanam semula sawit (SITS) kepada Pengurus FELDA Lui Muda, Jelebu Negeri Sembilan. Turut kelihatan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat MPOB, Dr Burhanuddin Abdul Salam (kanan).



DATUK Seri Ahmad Shabery Cheek menyampaikan replika cek bantuan tanam semula sawit (SITS) kepada Pengurus FELDA Neram Satu, Dungun, Terengganu.



TAN Sri Bernard Dompok melawat pameran MPOB selepas perasmian Sabah Wildlife Coservation Colloquium (SWCC) 2012 di Kota Kinabalu, Sabah. Turut kelihatan Datuk Masidi Manjun (dua dari kiri); Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan); Tan Sri Dr Yusof Basiron (dua dari kanan) dan pegawai MPOB, Dr Khalid Haron (kanan).



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad bersama Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan MPOB semasa Program Retreat Pengurusan MPOB 2012, di Melaka baru-baru ini.